

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 11 TAHUN 1990**

#### **BIDANG TUGAS JAWATANKUASA HAL EHWAL TANAH JAJAHAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 5hb. September, 1990 selepas menimbang Kertas Bil. 18/548/90(3) telah memperakukkan keputusan Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Hasil Bumi Negeri yang bersidang pada 20hb. Mei, 1990 yang telah menetapkan bidang kuasa / bidang tugas Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan seperti berikut :-

#### **1.1 Permohonan Milik Tanah**

- a) Mengkaji, menghalusi serta membuat perakuan permohonan milik tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- b) Mengkaji, menghalusi tentang masalah tanah-tanah yang telah diteroka secara haram yang telah disiasat oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian / Pejabat Tanah dan membuat perakuan kepada Pihak Berkuasa Negeri tentang cara penyelesaian.
- c) Mengkaji, menghalusi serta membuat perakuan terhadap mana-mana peneroka bagi mana-mana rancangan tanah dalam satu-satu jajahan.

- d) Mengkaji cadangan pembukaan tanah secara berkelompok untuk memperakukan kepada Pihak Berkuasa Negeri.
- e) Menentukan keutamaan bagi mana-mana tanah Kerajaan di dalam jajahan yang telah diteroka secara haram untuk diselesaikan oleh Pasukan Petugas Pejabat P.T.G. atau Pejabat Tanah.
- f) Mengkaji, menghalusi serta membuat perakuan terhadap permohonan-permohonan milik tanah tapak rumah dan tanah pertanian di bawah Rancangan Kampung Baru yang diwujudkan semasa darurat dahulu ( bagi kawasan Kuala Krai, Gua Musang, Tanah Merah dan Jeli ).

### 1.2 Permohonan Lesen Tumpangan Sementara (TOL)

Mengkaji semua permohonan sewa tanah di dalam jajahan sebelum diperaku kepada Pihak Berkuasa Negeri.

### 1.3 Permohonan di bawah Akta Pengambilan Tanah

Jika perlu mengkaji dan memberi pandangan terhadap masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan pengambilan tanah dan membuat perakuan sama ada satu-satu tanah yang dicadang untuk diambil balik itu layak untuk maksud tersebut atau sebaliknya serta membuat perakuan alternatif.

2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan P.T.G. Bil 1/89 mengenai kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan.

t.t

**(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)**

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576, KOTA BHARU**

**BERTARIKH :      22HB. SEPTEMBER 1990**

**KEPADА :**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tan Sri Menteri Besar, Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang, Kelantan
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri, Kelantan
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri, Kelantan
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan

**FAIL: P.T.G. KN. 4/3/1 JLD.2 (16)**